

NOTA

SIMPULAN BAHASA

- Simpulan bahasa ialah sejenis peribahasa yang paling mudah.
- Biasanya, simpulan bahasa ialah gabungan dua pepatah yang membawa maksud tertentu.
- Contoh: a) murah hati - tidak kedekut
b) dalam tangan - pasti beroleh
c) air muka - wajah seseorang
d) untung batu - nasib yang baik

A. Arahan: Isi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah dengan simpulan bahasa yang sesuai.

hasil tangan

mengambil hati

dalam tangan

anak emas

darah daging

1. Anyaman daripada rotan dan buluh ini _____
penduduk Kampung Pandan.
2. "Gelaran Johan Kampung Terindah pasti _____
kita," kata Encik Maniam.

3. Zamri cuba _____ ibu bapanya dengan memberikan hadiah.
4. Khairi menjadi _____ kepada Encik Ismail dan Puan Zainab.
5. Puan Natasha menganggap anak tirinya seperti _____nya sendiri.

B. Tandakan (✓) pada simpulan bahasa yang betul.

1. Kakak sering _____ di tepi pantai pada waktu petang.
makan hati () ambil angin ()
2. Encik Choo Meng _____ apabila kedai emasnya
dirompak semalam.
putih mata () mata keranjang ()
3. Puan Rosnah hampir _____ melihat rumahnya dijilat
api.
jauh hati () hilang akal ()